



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-32**

**DAFTAR ASPEK IMPAK  
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR TAHUN 2017**

**Tujuan**

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai Daftar Aspek Impak Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) Tahun 2017.

**Latar Belakang**

2. Daftar Aspek Impak EMS UPM dibangunkan berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 klausa 4.3.1 yang mengandungi semua aktiviti dan proses yang boleh memberi kesan terhadap alam sekitar di UPM iaitu impak kepada udara, air, tanah, bunyi dan sumber alam. Penilaian perlu dibuat mengambilkira penglibatan akta dan perundangan, kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar, dan kepentingan kepada organisasi.

3. Daftar Aspek Impak UPM yang dibangunkan perlu disemak secara berkala supaya aspek dan aktiviti yang dilaksanakan di UPM dapat dikenalpasti secara menyeluruh.

**Daftar Aspek Impak EMS Tahun 2017**

4. Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 telah mula berkuatkuasa pada 24 Mac 2017. Daftar ini telah ditambahbaik secara menyeluruh hasil daripada laporan ketakakuran (NCR) penemuan Audit Pemantauan Semakan 2, Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 pada tahun 2016.

5. Perubahan menyeluruh Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 adalah merangkumi perkara berikut:

- (a) Pembahagian impak alam sekitar kepada lima (5) iaitu udara, tanah, air, bunyi dan sumber;
- (b) Aspek persekitaran berdasarkan aktiviti yang dijalankan di UPM;
- (c) Kriteria penilaian bagi impak dan penentuan aktiviti yang signifikan dengan UPM adalah berdasarkan penilaian impak (Kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar dan kepentingan kepada organisasi) dan penentuan signifikan yang telah ditetapkan sebagaimana **Lampiran**;
- (d) Pengenalpastian undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan bagi aktiviti yang melibatkan undang-undang;
- (e) Pengenalpastian kawalan sedia ada atau cadangan aktiviti bagi aspek persekitaran yang disenaraikan;
- (f) Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat bagi setiap aktiviti yang disenaraikan.

6. Perincian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar UPM Edisi 3.0 boleh dirujuk dalam portal Sistem Pengurusan ISO (e-ISO) UPM di bawah pautan Dokumentasi EMS ISO 14001.

### **Syor**

7. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM dimohon beri perhatian perkara berikut:

- (a) mengambil perhatian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar EMS UPM Edisi 3.0 yang telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017 yang perlu dirujuk oleh PTJ dalam melaksanakan EMS;
- (b) mengambil perhatian perubahan menyeluruh Daftar Aspek Impak UPM EMS UPM mengambilkira maklum balas pihak Audit Badan Pensijilan SIRIM.

**KRITERIA PENILAIAN**

**1.0 Penilaian Impak**

**1.1 Kebarangkalian berlaku pencemaran**

<b>Peringkat</b>	<b>Kriteria</b>
H	Kemungkinan berlaku tinggi
M	Kemungkinan berlaku
L	Tidak mungkin berlaku

**1.2 Darjah Kerosakan kepada alam sekitar**

<b>Peringkat</b>	<b>Kriteria</b>
H	kerosakan besar kepada alam sekitar dan memerlukan jangka masa yang lama untuk ditangani (Melebihi sebulan)/ kos yang tinggi (Melebihi RM10 ribu)
M	Kerosakan kecil dan mudah ditangani dengan masa yang singkat / kos rendah
L	Tidak memberi kesan kepada alam sekitar

**1.3 Kepentingan kepada Organisasi**

<b>Peringkat</b>	<b>Kriteria</b>
H	Sangat penting (Implikasi kepada dasar/pekeliling universiti)
M	Penting (Berpotensi memberi impak kepada Universiti)
L	Tidak penting

**2.0 Penentuan Signifikan**

<b>Signifikan (√)</b>	(a) Penilaian impak melibatkan Legal
	(b) Penilaian impak terdapat salah satu 'H'
<b>Tidak Signifikan (X)</b>	Sekiranya penilaian impak tidak terdapat 'H' atau Legal